

**DAP Mesyuarat Tergempar Bincangkan Permintaan ROS
Bernama
12 Ogos, 2013**

GEORGE TOWN, 12 Ogos (Bernama) -- DAP akan mengadakan mesyuarat tergempar di Kuala Lumpur Isnin malam untuk membincangkan arahan tegas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) supaya parti itu membuat pemilihan semula Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC).

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata mesyuarat CEC itu akan membincangkan tindakan seterusnya setelah ROS pada surat bertarikh 7 Ogos masih mengarahkan parti membuat pemilihan semula.

Katanya, DAP telah membalas surat untuk meminta sebab kenapa ROS tidak berpuas hati dengan penjelasan DAP tetapi sehingga sekarang ia tidak mendapat sebarang jawapan.

"Kami bersedia untuk membuat pemilihan semula CEC sekiranya ROS memberikan sebab mengapa dan di manakah peruntukan undang-undang untuk mengarah kami membuat pemilihan semula," katanya kepada pemberita hari ini.

Katanya, DAP akan hanya akur arahan ROS itu jika jabatan berkenaan memberi alasan mengapa ia tidak berpuas hati dengan penjelasan parti berhubung perjalanan pemilihan CEC pada 15 Dis lepas.

Lim yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang mendakwa arahan ROS itu disifatkan sebagai tidak adil kerana jabatan itu tidak pula mengambil tindakan yang sama terhadap The Sarawak United Peoples' Party (SUPP) apabila anggota parti itu juga membuat aduan terhadap pemilihan SUPP pada 2011.

SUPP, parti tertua di Sarawak, telah berpecah kepada dua puak menjelang Persidangan Perwakilan Tritahunan (TDC) pada Disember 2011 dengan pengerusi cawangan Sibuloh Datuk Seri Wong Soon Koh memimpin satu kumpulan manakala presiden SUPP Tan Sri Peter Chin Fah Kui pula satu kumpulan lagi.

"Isu SUPP berlaku pada 2011 dan sehingga kini tiada sebarang tindakan tetapi apa yang berlaku kepada DAP pada 2012 telah diarahkan untuk membuat pemilihan semula tanpa sebarang sebab munasabah. Ini menunjukkan ROS bersikap "double-standard"," katanya.

Pada 30 Julai, ROS mengarahkan DAP mengadakan pemilihan semula CEC dan memaklumkan ia tidak berpuas hati dengan penjelasan parti itu berhubung isu penyelewengan undi pada pemilihan CEC dan isu manipulasi undi membabitkan 547 perwakilan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=969523>